

JURNAL PENDIDIKAN BAHASA MELAYU *Malay Language Education Journal*

Penggunaan Peta Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu Murid Sekolah Menengah

(The Use of i-Think Mind Map in KOMSAS Learning in Malay Language Students Secondary School)

Norhidayah Azni Mohamed Zohomi¹, Mohd Ayub Bakri², Vinoothini Mannogaran³ & Shaamala Nadarajah⁴

¹Sekolah Menengah Kebangsaan Shahbandaraya, Klang, Selangor, MALAYSIA.

²Sekolah Kebangsaan Bandar Banting, Banting, Selangor, MALAYSIA.

³Sekolah Kebangsaan Kampung Batu, Jalan Ipoh, Ipoh, Perak, MALAYSIA.

⁴Sekolah Kebangsaan Lembah Subang, Petaling Jaya, Selangor, MALAYSIA.

Koresponden: **Norhidayah Azni Mohamed Zohomi**, adznie219@gmail.com

ISSN: 2180-4842

Terbitan: Disember, 2022

Volume: 12

Bilangan: 02

Halaman: 144-153

Dihantar pada:

24 April 2022

Diterima pada:

01 Oktober 2022

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran komponen sastera (KOMSAS) di beberapa sekolah menengah di Lembah Klang, Selangor. Seramai 169 orang murid telah dipilih sebagai responden kajian. Borang soal selidik menggunakan *Google Form* digunakan sebagai bahan kajian bagi mendapatkan data dan dianalisis berasaskan deskriptif dan inferensi dengan melihat kepada skor min dan hubungan antara tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* mengikut perbezaan jantina. Hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi, sikap yang positif dan kesediaan yang rapi terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Dari segi hubungan sikap dengan faktor pengetahuan, sikap dan kesediaan terhadap peta pemikiran *i-Think* menunjukkan perbezaan dari segi jantina. Murid lelaki didapati lebih mempunyai pengetahuan tentang peta pemikiran, lebih bersikap positif dan bersedia untuk belajar menggunakan peta pemikiran *i-Think* ketika belajar KOMSAS berbanding murid perempuan. Kajian ini diharapkan dapat membantu murid untuk mempelajari kandungan KOMSAS dengan mudah.

Kata kunci : *i-Think*, KOMSAS, Bahasa Melayu, sekolah menengah

Abstract: This study was conducted to identify the level of knowledge, attitude and readiness of students towards the *i-Think* thought map in learning the literature component (KOMSAS) in several secondary schools in the Klang Valley, Selangor. A total of 169 students were selected as study respondents. A questionnaire using *Google Form* was used as research material to obtain data and analyzed based on descriptive and inference by looking at the mean score and the relationship between the level of knowledge, attitude and readiness of students towards the *i-Think* thought map according to gender differences. The results of the study show that the respondents have a high level of knowledge, a positive attitude and a thorough readiness for the *i-Think* thought map in KOMSAS learning. In terms of the relationship between attitudes and knowledge factors, attitudes and readiness towards the *i-Think* thought map show differences in terms of gender. Male students were found to have more knowledge about thought maps, were more positive and were ready to learn to use *i-Think* thought maps when studying KOMSAS compared to female students. This study is expected to help students to learn the content of KOMSAS easily.

Keywords: *i-Think*, literature component, Malay Language, secondary school

PENGENALAN

Pada masa kini, pelaksanaan proses pembelajaran selepas pasca COVID-19 menjadi salah satu cabaran kepada semua warga pendidik. Guru berperanan untuk memugarkan pedagogi Bahasa Melayu serta dan menarik minat murid serta membolehkan murid memahami isi kandungan pembelajaran dengan mudah. Jadi, apabila banyak guru memperkenalkan peta minda *i-Think* dalam proses pengajarannya, mereka dapat melihat perkembangan positif dalam diri murid. Usaha ini diambil untuk meningkatkan pemikiran kritis murid di luar latar belakang akademik biasa (KPM 2013).

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mula diperkenalkan pada tahun 2011 sebagai transformasi pendidikan negara dan seterusnya pengenalan kepada Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017 diperkenalkan bagi melahirkan murid berfikir kritis, kreatif dan inovatif (Saemah dan Zamri 2016, Shahlan dan Zamri 2022). Cara pelaksanaan PdP perlu selari dengan standard kurikulum yang baharu agar dapat mengembangkan minda murid. Jadi, bagi merealisasikan tuntutan transformasi tersebut, program Peta Pemikiran *i-Think* diperkenalkan di semua sekolah. *i-Think* bermaksud *innovative thinking* atau pemikiran inovatif yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir murid. Program ini adalah hasil kerjasama KPM dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Penggunaan peta pemikiran telah diberi perhatian dalam program *i-Think* ini. *i-Think* merupakan kaedah pemikiran inovatif, yang berfungsi untuk memupuk dan meningkatkan kemampuan berfikir murid (KPM 2012). Terdapat lapan jenis grafik mudah dalam peta pemikiran *i-Think* yang mempunyai proses pemikiran yang tersendiri. Dengan ini, murid dapat berfikir dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai subjek kursus semasa menggunakan peta pemikiran *i-Think*.

Terdapat kajian yang membuktikan bahawa kini tahap pengetahuan guru tentang penggunaan peta pemikiran *i-Think* telah berada di tahap yang tinggi (Fadzilah dan Zamri 2019). Zamri (2014), menyatakan bahawa peningkatan kecemerlangan murid dalam pelajaran terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu akan tidak berlaku sekiranya guru sentiasa berpegang kepada kaedah tradisional dan tidak menggunakan kaedah pengajaran yang menarik seperti peta pemikiran *i-Think*. Oleh itu, guru seharusnya mempunyai ilmu atau pengetahuan tentang kaedah yang ingin digunakan dalam sesi pembelajarannya (Fadillah dan Zamri 2019). Pandangan ini juga disokong oleh Zamri (2019) yang berpendapat bahawa guru berperanan sebagai penterjemah kurikulum di sekolah. Jadi, guru-guru perlu melengkap diri dengan pengetahuan dan kefahaman terhadap pendekatan pengajaran yang ingin diaplikasikan agar sesi pembelajaran dijalankan seperti yang dirancang.

Secara tidak langsung, proses pembelajaran yang aktif dapat diwujudkan semasa proses pembelajaran. Hal ini juga dapat membantu murid untuk berfikir secara kreatif serta sentiasa bersedia menggunakan pengurusan grafik dalam proses pembelajarannya. Hyerle (2011) dan Laura (2011) pula menyatakan bahawa penggunaan peta pemikiran *i-Think* mampu meningkatkan keupayaan murid agar berfikir secara aras tinggi serta pencapaiannya dalam kelas. Zamri et al. (2020) berpendapat bahawa peta pemikiran *i-Think* dapat membina kefahaman isi kandungan tentang topik pelajaran serta meningkatkan motivasinya untuk belajar. Pandangan ini konsisten dengan kajian Stockhof et al. (2018) yang menyatakan bahawa pengaplikasian peta *i-Think* dapat mempelbagaikan strategi pengajaran guru serta menarik minat murid untuk belajar.

PERNYATAAN MASALAH

Murid kini mengalami pelbagai masalah dalam menguasai kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu yang diajar oleh gurunya. Hal ini menimbulkan, murid tidak berminat dan berasa bosan terhadap pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu terutamanya KOMSAS. Menurut Che Zanariah dan Fadzilah (2011), terdapat banyak masalah seperti masalah pengetahuan, kekurangan kemahiran guru dan masalah kelemahan murid sering berlaku semasa sesi pembelajaran berlangsung. KPM telah menggariskan enam ciri utama dalam PPPM 2013-2015 (KPM 2013) yang perlu dimiliki oleh setiap murid iaitu pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Oleh itu, guru disarankan untuk menggunakan kaedah baharu seperti penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam sesi pengajarannya agar murid dapat belajar secara aktif di dalam kelas, termasuk dalam pembelajaran KOMSAS.

Selain itu, isu murid mengalami kesukaran untuk mengingat rumus-rumus bahasa dan fakta-fakta dalam mata pelajaran Bahasa Melayu terutamanya dalam KOMSAS dibuktikan bahawa dapat diatasi melalui penggunaan peta pemikiran *i-Think*. Menurut Zamri (2019), ramai guru yang terikat dengan kaedah tradisional semasa mengendalikan sesi pengajarannya boleh menggunakan pelbagai inovasi untuk memastikan objektif pengajarannya tercapai. Zamri et al. (2020), berpendapat bahawa peta pemikiran *i-Think* mampu meningkatkan dan mengukuhkan daya pemikiran murid serta membantu murid mengingati fakta yang penting. Pandangan ini turut disokong Stockhof et al. (2018) dalam kajiannya yang menyatakan bahawa peta pemikiran *i-Think* mampu mengorganisasikan pemikiran murid. Jadi, guru perlu menerapkan peta pemikiran *i-Think* sebagai alat pengajaran KOMSAS Bahasa Melayu dan berperanan sebagai agen perubahan dalam bidang pendidikan.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan murid sekolah menengah. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid sekolah menengah terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu.
2. Mengetahui perbezaan antara tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid sekolah menengah terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina.

KAJIAN PETA PEMIKIRAN *i-THINK*

Para pengkaji telah menjalankan beberapa kajian untuk menggambarkan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran bahasa Melayu di sekolah. Pelaksanaan peta pemikiran *i-Think* mengubah tingkah laku pelajar IPG Kampus Sultan Mizan kepada lebih aktif dan rajin (Muhammad Sidek et al. 2012). Mereka berpendapat bahawa peta pemikiran *i-Think* merupakan cara yang berkesan dan dapat untuk membantu murid mudah berfokus serta mudah mengingat isi kandungan pelajaran. Hasil daripada maklumbalas membuktikan bahawa terdapat peningkatan ingatan murid apabila menggunakan peta pemikiran *i-Think* digunakan dalam PdP. Kajiannya merumuskan bahawa jika sesuatu teknik pengajaran didapati tidak berkesan, maka guru perlu berfikir cara alternatif untuk menjalankan pengajarannya dengan berkesan. Penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini berupaya menjadi pengganti yang terbaik kepada kaedah-kaedah pengajaran yang tidak berkesan.

Nik Nur Fariah (2014) mengkaji implikasi kaedah peta pemikiran *i-Think* terhadap persediaan, sikap dan pencapaian murid menengah empat. Mereka menggunakan kaedah penyelidikan kuasi eksperimen untuk menyelidik implikasi kaedah peta pemikiran *i-Think* dalam pengajaran KOMSAS. Seramai 68 orang murid di Pasir Puteh, Kelantan terlibat dalam kajian ini. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahawa peta pemikiran *i-Think* membantu murid untuk menerima sikap dan kesediaan dalam sesi pembelajaran. Kajian ini menyimpulkan bahawa peta pemikiran *i-Think* ialah kaedah yang baharu dan berkesan yang dapat memotivasi murid untuk belajar.

Penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam penulisan karangan berupaya untuk meningkatkan prestasi murid dalam memproses ayat (Rohaida dan Zamri 2015). Kajian ini dijalankan di Batu Pahat selama lapan minggu, melibatkan seramai 60 orang murid. Seramai 30 orang murid yang bahagikan dalam dua kumpulan, iaitu murid kumpulan eksperimen dan

murid kumpulan kawalan. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengkaji kesan peta pemikiran *i-Think* terhadap peningkatan prestasi penulisan Bahasa Melayu tahun 6. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengaplikasian peta pemikiran *i-Think* dapat memantapkan pemikiran aras tinggi dan menjadikan kursus pembelajaran lebih menarik.

Noor Hidayu dan Yahya (2016) telah menjalankan kajian tentang faedah pengaplikasian peta alir dan peta bulatan dalam memantapkan penguasaan penulisan esei. Pengkaji telah mengutip data melalui ujian pra dan pasca. Hasil ujian membuktikan bahawa pengaplikasian peta alir dan peta bulatan dalam sesi pembelajaran Bahasa Melayu dapat berjaya memantapkan kemahiran penulisan karangan naratif.

Menurut Abdul Rasid et al. (2017) mengkaji impak penggunaan peta pemikiran *i-Think* untuk jenis novel dalam KOMSAS. Kajian kuasi eksperimen dirancang untuk memeriksa pencapaian murid dalam pemahaman KOMSAS. Dapatan kajian menyatakan pengaplikasian kaedah peta pemikiran *i-Think* dapat membantu murid memahami plot novel dan meningkatkan kemampuan berfikir aras tinggi mereka. Justeru itu, murid dapat menguasai hasil pembelajaran KOMSAS dengan lebih mudah dan senang dan meningkatkan minat mereka untuk terus belajar KOMSAS.

Anthony et al. (2017) melaksanakan kajian mengenai keberkesanan penggunaan peta minda *i-Think* untuk memantapkan kemampuan penulisan bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan dalam kalangan murid tingkatan 6 di Daerah Mukah, Sarawak. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat kesan penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam penguasaan kemahiran penulisan esei Bahasa Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa menggunakan peta pemikiran *i-Think* dapat meningkatkan gred murid tingkatan 6 dalam penulisan esei.

Chew dan Siti Syahirah (2021) menjalankan kajian untuk mengenal pasti sejauh mana tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Kajian ini melibatkan 243 orang murid tingkatan 2 di tiga buah sekolah menengah di tiga zon yang berbeza. Instrumen soal selidik dengan lima skala Likert digunakan bagi tujuan mengumpul data. Analisis deskriptif mendapati pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* berada pada tahap tinggi. Ujian-t mendapati terdapat perbezaan pengetahuan, sikap dan kesediaan yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu, iaitu murid perempuan menunjukkan tahap pengetahuan, sikap dan kesediaan yang lebih tinggi daripada murid lelaki. Analisis menunjukkan kecenderungan murid yang berbeza untuk mempelajari KOMSAS dengan lebih mendalam. Oleh itu, diharapkan guru dapat mencipta suasana pembelajaran yang lebih kondusif

menggunakan peta pemikiran *i-Think* di dalam bilik darjah. Hal ini supaya dapat meningkatkan minat murid mempelajari KOMSAS.

METODOLOGI

Kajian kauntitatif ini menggunakan reka bentuk tinjauan. Kajian bertujuan untuk mengetahui pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Responden bagi kajian ini adalah seramai 169 murid tingkatan 4 dan 5 dari empat buah sekolah menengah di daerah Klang yang dipilih secara rawak mudah.

Borang soal selidik digunakan untuk mendapatkan dapatan tentang pengetahuan, sikap murid dan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Borang soal selidik adalah alat ukuran yang digunakan dalam kebanyakan kajian pendidikan. Penggunaan soal selidik dalam kajian adalah lebih praktikal dan berkesan untuk diterima pakai bagi kumpulan sampel yang besar (Mohd Majid 2009). Borang soal selidik kepada empat bahagian. Bahagian A soal selidik mengandungi soalan demografi responden. Bahagian B melibatkan pengetahuan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Bahagian C berkaitan dengan sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Bahagian D berkaitan dengan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran.

Soal selidik ini diubah suai daripada kajian Chew dan Siti Syahirah (2021) serta Fadzilah dan Zamri (2019). Soalan berbentuk skala *Likert* dengan lima pilihan jawapan, bermula daripada sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju. Semua soalan mesti dijawab oleh responden menggunakan kaedah *Google Form*. Penyelidik mengambil masa selama lima hari untuk mendapatkan maklum balas daripada semua responden. Tambahan pula, setiap responden diminta menjawab secara individu dan mereka telah diingatkan terlebih dahulu untuk menjawab mengikut pengalaman dan pendapat mereka sendiri. Masa menjawab tidak terhad dan responden tidak perlu tergesa-gesa untuk menjawab. Cara ini membolehkan responden memberi respons yang telus, kerana masa yang diberikan adalah lebih daripada mencukupi.

Data yang diperoleh dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Analisis ini hanya melibatkan statistik deskriptif. Statistik ini digunakan untuk menganalisis profil responden dan analisis soal selidik tahap pengetahuan, sikap dan tahap kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Min, sisihan piawai dikira untuk mengukur tahap pengetahuan, sikap dan tahap kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS.

Kaedah ini digunakan untuk memudahkan penyelidik menilai setiap aspek pengukuran. Skala min yang digunakan dirujuk daripada Chua (2014), iaitu 1.00-2.33 (tahap renda), 2.34-3.66 (tahap sederhana) dan 3.67-5.00 (tahap tinggi).

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden Kajian

Berdasarkan kepada Jadual 1, sejumlah 169 responden telah dipilih dari empat buah sekolah di kawasan Lembah Klang, Selangor. Merujuk kepada Jadual 1, bilangan murid perempuan adalah seramai 89 orang (52.7%) lebih ramai daripada murid lelaki, iaitu 80 orang (47.3%). Dari segi kaum, didapati seramai 79 orang murid (46.7%) terdiri daripada kaum Melayu, diikuti dengan responden kaum Cina seramai 53 orang murid (31.4%), dan kaum India 32 orang (18.9%). Sementara itu kaum-kaum lain seramai 5 orang (3.0%). Jadual 1 juga menunjukkan seramai 20 orang murid (11.8%) mendapat gred A. Murid yang mendapat gred B dalam peperiksaan pula seramai 79 orang murid (46.7%). Seterusnya, seramai 42 orang murid mendapat gred C (24.9%), dan hanya 17 orang murid (10.1%) mendapat gred D, diikuti gred E seramai 8 orang murid (4.7%), dan hanya 3 orang murid (1.8%) yang gagal. Keseluruhan dapatan ini menunjukkan bahawa bilangan responden paling ramai mendapat gred B dalam peperiksaan.

JADUAL 1: Demografi responden kajian

Demografi (N=169)	Deskriptif	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	80	47.3
	Perempuan	89	52.7
Kaum	Melayu	79	46.7
	Cina	53	31.4
	India	32	18.9
	Lain-lain	5	3.0
Gred Bahasa Melayu	A	20	11.8
	B	79	46.7
	C	42	24.9
	D	17	10.1
	E	8	4.7
	F	3	1.8

Soalan 1: Apakah Tahap Pengetahuan Murid Sekolah Menengah terhadap Peta Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu?

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif tentang pengetahuan murid terhadap *peta pemikiran i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Item pengetahuan yang berada pada tahap paling tinggi ialah item ke-4 (Min = 4.65, SP = 0.748) yang berbunyi "*Saya tahu bahawa peta pemikiran memudahkan saya untuk berfikir*". Item kedua tinggi ialah item ke-9 (Min = 4.43, SP = 0.634)


yang berbunyi “*Saya dapati peta pemikiran i-Think sesuai dengan aktiviti pembelajaran KOMSAS*”. Seterusnya item ketiga tinggi ialah item ke-5 (Min = 4.10, SP = 0.755), iaitu “*Saya tahu memilih peta pemikiran i-Think yang sesuai dengan tajuk atau unit pelajaran*”.

Sebaliknya item yang paling rendah ialah item ke-8 (Min = 3.45, SP = 0.935), iaitu “*Saya dapat menggunakan peta pemikiran i-Think tanpa bantuan guru*”. Seterusnya item kedua rendah, iaitu item ke-6 (Min = 3.79, SP = 0.767) yang berbunyi “*Saya mempunyai pengetahuan untuk memilih peta pemikiran i-Think dengan aktiviti pembelajaran kelas*”. Item ke-3 rendah ialah item ke-2 (Min = 3.78, SP = 0.754) yang berbunyi “*Saya mengetahui sebab peta pemikiran diperkenalkan dalam program i-Think*”. Secara purata, pengetahuan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berada pada tahap yang tinggi. Hal ini ditunjukkan oleh purata skor min keseluruhan yang diperoleh (Min = 4.02, SP = 0.781).

JADUAL 2: Tahap pengetahuan murid sekolah menengah terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS

Bil.	Item Pengetahuan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya mempunyai pengetahuan tentang penggunaan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	4.01	0.641	Tinggi
2	Saya mengetahui sebab peta pemikiran diperkenalkan dalam Program <i>i-Think</i> .	3.78	0.754	Tinggi
3	Saya mengenali lapan peta pemikiran <i>i-Think</i> yang diperkenalkan.	4.05	0.871	Tinggi
4	Saya tahu peta pemikiran <i>i-Think</i> memudahkan saya untuk berfikir.	4.65	0.748	Tinggi
5	Saya tahu memilih peta pemikiran <i>i-Think</i> yang sesuai dengan tajuk yang dipelajari.	4.10	0.755	Tinggi
6	Saya mempunyai pengetahuan untuk memilih peta pemikiran <i>i-Think</i> dengan aktiviti pembelajaran kelas.	3.79	0.767	Tinggi
7	Saya dapat menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> dengan baik.	3.89	0.923	Tinggi
8	Saya dapat menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> tanpa bantuan guru.	3.45	0.935	Sederhana
9	Saya dapati peta pemikiran <i>i-Think</i> dengan aktiviti pembelajaran KOMSAS.	4.43	0.634	Tinggi
Min Keseluruhan		4.02	0.781	Tinggi

Rajah 2: Pengetahuan Murid Terhadap PETA Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS



Soalan 2: Apakah Tahap Sikap Murid Sekolah Menengah terhadap Peta Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu?

Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif tentang sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS. Hasil analisis seperti Jadual 3 menunjukkan kesemua item yang terdapat dalam bahagian ini mencatatkan nilai min yang tinggi di antara 4.07 hingga 4.20. Analisis item ke-6 (Min = 4.20, SP = 0.852) yang berbunyi “*Saya lebih gemar membentangkan hasil pembentangan hasil perbincangan kumpulan di dalam kelas menggunakan peta pemikiran i-Think*” menunjukkan nilai min yang paling tinggi. Item ke-2 tinggi ialah item ke-8 (Min = 4.16, SP = 0.685), iaitu “*Saya berpendapat KOMSAS dapat meningkatkan kemahiran berfikir saya dengan menggunakan peta pemikiran i-Think*”. Seterusnya item ke-3 tinggi jatuh pada item ke-5 (Min = 4.18, SP = 0.762) yang berbunyi, “*Saya lebih mudah berkongsi pendapat bersama rakan menggunakan peta pemikiran i-Think*”.

Nilai min terendah adalah item ke-4, iaitu “*Saya lebih gemar menulis nota KOMSAS menggunakan peta pemikiran*” (Min = 4.07, SP = 0.897). Seterusnya item kedua rendah ialah item ke-2 (M = 4.14, SP = 0.832), iaitu “*Pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think membuatkan saya ingin belajar dan berjaya dalam KOMSAS*”. Item yang ketiga rendah ialah item ke-3 (M = 4.10, SP = 0.682) yang berbunyi “*Pengajaran menggunakan peta pemikiran i-Think meningkatkan penguasaan konsep dan fakta saya dalam KOMSAS*”. Hasil dapatan ini menunjukkan sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berada pada tahap tinggi (Min = 4.14, SP = 0.784). Hal ini menunjukkan sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS adalah positif.

JADUAL 3: Sikap murid sekolah menengah terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS

Bil.	Item Pengetahuan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya suka belajar KOMSAS menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	4.15	0.641	Tinggi
2	Pengajaran menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> membuatkan saya ingin belajar KOMSAS.	3.14	0.754	Tinggi
3	Pengajaran menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> meningkatkan penguasaan konsep dan fakta saya dalam pembelajaran KOMSAS.	4.10	0.871	Tinggi
4	Saya lebih gemat menulis nota KOMSAS menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	4.07	0.748	Tinggi
5	Saya lebih mudah berkongsi pendapat bersama rakan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	4.18	0.755	Tinggi
6	Saya lebih gemar membentangkan hasil perbincangan kumpulan di dalam kelas menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	4.20	0.767	Tinggi
7	Saya amat berminat dalam pembelajaran KOMSAS apabila guru menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	4.10	0.923	Tinggi
8	Saya berpendapat KOMSAS dapat meningkatkan kemahiran berfikir saya apabila menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> .	4.16	0.935	Sederhana
Min Keseluruhan		4.14	0.784	Tinggi

Soalan 3: Apakah Tahap Kesediaan Murid Sekolah Menengah terhadap Peta Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu?


Jadual 4 memaparkan analisis deskriptif tentang kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think*. Berdasarkan Jadual 4, item pertama ‘*Saya bersedia membaca bahan KOMSAS yang menggunakan peta pemikiran i-Think di dalam kelas*’ merupakan item yang paling tinggi nilai min (Min = 4.12, SP = 0.765). Seterusnya item kedua tinggi ialah item ke-7, iaitu ‘*Latihan yang diberikan oleh guru telah mencungkil keinginan saya untuk menggunakan peta i-Think*’ (Min = 3.98, SP = 0.792). Item ketiga tinggi ialah item ke-5, iaitu ‘*Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab menggunakan peta pemikiran di dalam kelas*’ (Min = 3.88, SP = 0.801).

Sebaliknya, item yang paling rendah nilai min ialah item ke-3 yang berbunyi, ‘*Saya bersedia mengambil bahagian dalam aktiviti menggunakan peta pemikiran i-Think di dalam kelas*’ (Min = 3.50, SP = 0.753). Seterusnya item kedua rendah ialah item ke-2, iaitu ‘*Saya bersedia menggunakan peta pemikiran i-Think dalam pembelajaran KOMSAS*’ (Min = 3.65, SP = 0.821). Item keempat rendah ialah item ke-4 yang berbunyi ‘*Saya bersedia diberi galakan mengemukakan idea ketika menggunakan peta pemikiran i-Think dalam pembelajaran*’ (Min = 3.69, SP = 0.878). Secara keseluruhan, kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* berada pada tahap tinggi (Min = 3.80, SP = 0.805).


JADUAL 4: Kesediaan murid sekolah menengah terhadap pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS

Bil.	Item Pengetahuan	Min	Sisihan Piawai	Tahap Min
1	Saya bersedia membaca bahan KOMSAS yang menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> di dalam kelas.	4.12	0.765	Tinggi
2	Saya bersedia menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> dalam pembelajaran KOMSAS.	3.65	0.821	Sederhana
3	Saya bersedia mengambil bahagian dalam aktiviti KOMSAS menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> di dalam kelas.	3.50	0.753	Sederhana
4	Saya bersedia mengambil bahagian yang aktif semasa sesi soal jawab menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> di dalam kelas.	3.88	0.801	Tinggi
5	Saya bersedia mengambil bahagian dalam interaksi kerja kumpulan menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> di dalam kelas.	3.79	0.822	Tinggi

rajaah 3: sikap murid terhadap PETA pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS



6	Saya bersedia diberi galakan mengemukakan idea ketika menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> dalam pembelajaran KOMSAS.	3.69	0.878	Tinggi
7	Latihan yang diberikan oleh guru telah mencungkil keinginan saya untuk menggunakan peta pemikiran <i>i-Think</i> belajar KOMSAS.	3.98	0.792	Tinggi
Min Keseluruhan		3.80	0.805	Tinggi



Soalan 4: Adakah Terdapat Perbezaan antara Tahap Pengetahuan Murid Sekolah Menengah terhadap Peta Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS Berdasarkan Faktor Jantina

Jadual 5 adalah analisis ujian-t yang menunjukkan perbezaan pengetahuan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina. Jadual 5 menunjukkan nilai min pengetahuan murid lelaki sebanyak 34.11 dengan sisihan piawai 4.483, manakala nilai min pengetahuan murid perempuan ialah 36.13 dengan sisihan piawai 4.172. Dapatan ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pengetahuan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* berdasarkan jantina di mana nilai $t = -3.423$ di mana nilai signifikan kurang daripada $p < 0.05$. Oleh itu, hasil analisis ujian bagi menguji hipotesis H_01 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pengetahuan terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan jantina adalah ditolak. Hal ini bermakna murid lelaki mempunyai pengetahuan yang lebih banyak berbanding murid perempuan terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS.

JADUAL 5: Ujian-t menunjukkan perbezaan pengetahuan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina

Aspek	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	p
Pengetahuan	Lelaki	80	34.11	4.483	-3.423	.000*
	Perempuan	89	36.13	4.172		

$p < 0.05$

Soalan 5: Adakah Terdapat Perbezaan antara Tahap Sikap Murid Sekolah Menengah terhadap Peta Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS Berdasarkan Faktor Jantina

Jadual 6 adalah analisis ujian-t yang menunjukkan perbezaan sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina. Jadual 6 menunjukkan nilai skor min tentang sikap murid lelaki sebanyak 39.78 dengan sisihan piawai 5.369, manakala skor min sikap murid perempuan pula 41.15 dengan sisihan piawai 5.274. Data ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan sikap yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS dengan nilai $t = -3.243$ di mana nilai signifikan kurang daripada $p < 0.05$. Dengan itu, H_02 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina adalah ditolak. Hal ini bermakna murid lelaki mempunyai sikap yang lebih positif berbanding murid perempuan terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS.

JADUAL 6: Ujian-t menunjukkan perbezaan sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina

Aspek	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	p
Sikap	Lelaki	80	39.78	5.369	-3.243	.002*
	Perempuan	89	41.15	5.274		

$p < 0.05$

Soalan 6: Adakah Terdapat Perbezaan antara Tahap Kesiediaan Murid Sekolah Menengah terhadap Peta Pemikiran *i-Think* dalam Pembelajaran KOMSAS Berdasarkan Faktor Jantina

Jadual 7 adalah analisis ujian-t yang menunjukkan perbezaan kesiediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina. Jadual 7 menunjukkan nilai skor min tentang kesiediaan murid lelaki sebanyak 38.78 dengan

sisihan piawai 5.278, manakala skor min sikap murid perempuan pula 40.15 dengan sisihan piawai 5.172. Data ini juga menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kesediaan yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS dengan nilai $t = -3.141$ di mana nilai signifikan melebihi $p < 0.05$. Dengan itu, Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina adalah ditolak. Hal ini bermakna murid lelaki mempunyai tahap kesediaan menggunakan peta pemikiran *i-Think* lebih tinggi berbanding murid perempuan dalam pembelajaran KOMSAS.

JADUAL 7: Ujian-t menunjukkan perbezaan kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS berdasarkan faktor jantina

Aspek	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	t	p
Kesediaan	Lelaki	80	38.78	5.278	-3.1413	.002*
	Perempuan	89	40.15	5.172		

$p < 0.05$

PERBINCANGAN

Pengetahuan Murid tentang Peta Pemikiran *i-Think* ketika Mengikuti Pembelajaran KOMSAS

Pengetahuan murid tentang peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS menunjukkan skor min 4.02 dan mempunyai sisihan Piawai 0.781. Penggunaan peta pemikiran adalah sangat mustahak sebagai alat berfikir yang dapat menzahirkan idea yang bernas dengan cepat daripada sudut pengetahuan murid. Kajian yang dijalankan berkaitan dengan peta pemikiran *i-Think* mendapati murid senang untuk berfikir dan mengeluarkan idea yang bernas. Kenyataan ini disokong oleh kajian Nik Nur Farihah (2014) serta Fadzilah dan Zamri (2019) yang mendapati murid dapat dibantu dalam menghasilkan, mengatur, membuat persediaan, membanding idea dan memahami maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Peta minda ini sangat efektif dan berguna kepada murid. Minat murid untuk mengikuti pelajaran KOMSAS semakin meningkat selepas menggunakan peta pemikiran *i-Think*. Menurut Zamri et al. (2020), setiap guru harus melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang secukupnya bertepatan dengan peredaran masa kini dalam bidang pendidikan terhadap mata pelajaran yang diajar.

Seterusnya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid tidak memerlukan bantuan daripada guru kerana dapat menggunakan peta pemikiran *i-Think* dengan baik dan sesuai untuk mencari isi-isi penting bagi mata pelajaran yang dipelajari. Murid sekolah

menengah mempunyai pengetahuan yang baik tentang kepentingan menggunakan peta pemikiran *i-Think* ketika belajar KOMSAS Bahasa Melayu. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Chew dan Siti Syahirah (2021) serta Jumaliah dan Zamri (2016) yang mendapati murid-murid sekolah menengah mempunyai pengetahuan yang baik tentang peta pemikiran *i-Think*. Peningkatan pengetahuan, kemampuan dan kefahaman dalam tempoh masa yang singkat bagi menyelesaikan permasalahan dapat dilaksanakan dengan cepat apabila menggunakan peta pemikiran *i-Think*. Pencapaian murid dapat dipertingkatkan apabila murid mengetahui kepentingan menggunakan alat berfikir yang berkesan seperti peta pemikiran *i-Think*.

Sikap Murid tentang Peta Pemikiran *i-Think* ketika Mengikuti Pembelajaran KOMSAS

Analisis dapatan ini juga menunjukkan bahawa sikap murid terhadap peta pemikiran *i-Think* ketika mengikuti pembelajaran KOMSAS berada pada tahap yang tinggi. Penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini dapat membantu perubahan sikap pada diri murid yang tidak meminati peta pemikiran *i-Think* pelajaran KOMSAS menjadi lebih berminat. Kaedah yang agak baharu dan terkini ini diaplikasikan dalam pengajaran sangat membantu dan mendorong murid mengikuti pelajaran KOMSAS dengan lebih yakin dan baik. Hal ini kerana guru dapat mewujudkan minat serta menarik perhatian murid semasa pembelajaran dengan memperkenalkan kaedah yang amat sesuai menarik perhatian murid. Justeru, peta pemikiran *i-Think* ini amat baik dipraktikkan dalam pembelajaran agar dapat menarik minat murid mempelajari pembelajaran KOMSAS. Menurut Zamri et al. (2020), apabila kaedah pengajaran yang lebih menarik digunakan, pencapaian murid menjadi bertambah baik dan semakin meningkat.

Penggunaan peta pemikiran *i-Think* antara kaedah PdP yang dapat meningkatkan sikap murid untuk belajar, termasuk belajar KOMSAS. Kajian ini menunjukkan bahawa pencapaian yang baik ditunjukkan oleh murid dalam pembelajaran KOMSAS apabila murid semakin berminat dan menyukai terhadap cara atau kaedah pengajaran daripada guru. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Chew dan Siti Syahirah (2021), Jumaliah dan Zamri (2016), serta Nik Nur Farihah (2014). Ketiga-tiga kajian ini mengkaji penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam kalangan murid sekolah menengah. Hasil kajian mereka, merumuskan bahawa faktor sikap antara faktor yang mempengaruhi minat murid untuk belajar Bahasa Melayu, termasuk belajar KOMSAS. Minat dapat menjadi satu motivasi yang kuat kepada para murid untuk mencapai kejayaan dalam bidang akademik. Justeru, meningkatkan minat murid menyumbang kepada pengalaman belajar yang lebih baik serta dapat menggalakkan murid lebih bermotivasi untuk mempelajari KOMSAS.

Kesediaan Murid tentang Peta Pemikiran *i-Think* ketika Mengikuti Pembelajaran KOMSAS

Berdasarkan dapatan kajian ini juga mendapati bahawa kesediaan murid terhadap peta pemikiran *i-Think* juga berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa murid dapat melibatkan diri secara aktif dan cukup bersedia untuk mengikuti pembelajaran KOMSAS, sama ada sebelum atau selepas pembelajaran dijalankan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penemuan untuk penerokaan pengetahuan murid menggunakan kaedah *i-Think* adalah berada pada tahap yang tinggi. Responden kajian dapat menjawab soalan yang diajukan guru dengan baik dan dapat menyelesaikan masalah dalam setiap pertanyaan yang diberikan oleh guru. Penemuan ini selari dengan penemuan kajian Anthony et al. (2017) yang melakukan kajian terhadap pelajar tingkatan 6 tentang kesan aktiviti peta pemikiran *i-Think* terhadap motivasi mereka. Peta pemikiran *i-Think* dapat meningkatkan kesediaan pelajar tingkatan 6 untuk belajar penulisan esei Bahasa Melayu. Dapatan ini juga selari dengan kajian Chew dan Siti Syahirah (2021) yang mendapati murid-murid sekolah menengah bersedia untuk belajar KOMSAS Bahasa Melayu melalui peta pemikiran. Begitu juga dengan dapatan kajian Nik Nur Fariyah (2014) serta Jumaliah dan Zamri (2016) yang selari dengan dapatan kajian ini. Hal ini bermakna, penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam PdP KOMSAS amat sesuai digunakan sehingga kini. Murid-murid sekolah menengah tetap bersedia untuk menggunakan kaedah *i-Think* ini untuk belajar KOMSAS Bahasa Melayu.

Perbezaan Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Murid tentang Peta Pemikiran *i-Think* Ketika Mengikuti Pembelajaran KOMSAS Mengikut Jantina

Terdapat perbezaan pengetahuan, sikap dan kesediaan murid yang signifikan terhadap peta pemikiran *i-Think* ini mengikut jantina. Hal ini dibuktikan melalui ujian-t yang dilakukan mendapati bahawa terdapat perbezaan pengetahuan, sikap dan kesediaan murid yang signifikan terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS mengikut jantina pada saiz kesan yang kecil. Pengetahuan, sikap dan kesediaan terhadap peta pemikiran *i-Think* mengikut jantina adalah tidak sama dalam pembelajaran KOMSAS. Dapatan kajian ini mendapati murid lelaki lebih berpengetahuan, lebih bersikap positif dan lebih bersedia untuk belajar KOMSAS menggunakan peta pemikiran *i-Think* jika dibandingkan dengan murid perempuan. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dapatan kajian Chew dan Siti Syahirah (2021) yang mendapati murid perempuan lebih berpengetahuan, lebih bersikap positif dan bersedia untuk belajar KOMSAS menggunakan peta pemikiran *i-Think*.

Demikian juga dapatan kajian Nasyimah dan Zamri (2016) yang mendapati tidak terdapat perbezaan pengetahuan dan sikap yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan terhadap KBAT dalam pembelajaran KOMSAS. Justeru, guru bahasa Melayu yang mengajar KOMSAS menggunakan peta pemikiran *i-Think* perlu menitikberatkan faktor jantina sebelum merancang aktiviti pembelajaran KOMSAS supaya pembelajaran menjadi lebih bermakna dan berkesan.

KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini dapat membantu pembaca dan pengkaji lain untuk menyelami dengan lebih dalam tentang pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. Bagi mencapai hasrat dan tujuan memperkasakan penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini, semua pihak seharusnya berganding bahu bagi tujuan penambahbaikan bagi memastikan pengetahuan, sikap dan kesediaan murid adalah berada pada tahap yang tinggi dalam penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini. Justeru, Penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini seharusnya dapat dikekalkan. Bukan itu sahaja, malah usaha-usaha penambahbaikan perlu dilakukan agar penggunaannya dapat dimanfaatkan oleh para murid dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan dan pemahaman pembelajaran KOMSAS.

Hasil kajian dan analisis data menunjukkan bahawa pengetahuan, sikap dan kesediaan murid dari empat buah sekolah di Klang adalah berada pada tahap yang tinggi terhadap penggunaan *peta pemikiran i-Think* untuk mempelajari KOMSAS bahasa Melayu. Peta pemikiran *i-Think* yang digunakan oleh murid dapat membiasakan murid dengan amalan kemahiran berfikir di sekolah. Peta pemikiran *i-Think* ini dapat membudayakan amalan KBAT di sekolah. Guru Bahasa Melayu boleh menggunakan peta pemikiran *i-Think* untuk menjelaskan cerita dalam buku KOMSAS kepada muridnya. Dengan ini, tugas guru untuk menyampaikan ilmu akan menjadi lebih mudah. Objektif pengajaran guru akan mudah tercapai.

Tahap pemikiran murid juga dapat ditingkatkan dengan penggunaan peta pemikiran *i-Think* ini. Majoriti responden kajian telah bersetuju dengan pendapat ini. Hal ini tercetus apabila teknik pengajaran yang berpandukan peta pemikiran *i-Think* terbukti merangsangkan daya ingatan murid. Murid dapat mengingat isi kandungan pelajaran dengan mudah apabila menggunakan kaedah ini. Terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa beberapa sekolah telah menerapkan budaya pemikiran kreatif dan kritis dengan menggunakan peta pemikiran *i-Think*. Pendidikan era kini amat memfokuskan KBAT. Oleh itu, murid perlu menggunakan kaedah yang betul untuk merealisasikan hasrat kerajaan terutamanya samasa pelaksanaan sesi pembelajaran berlangsung.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian, Martini Misdon & Azhar Md. Sabil. (2017). Penggunaan peta pemikiran *i-Think* dalam pemahaman KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42 (1), 51-59.
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei bahasa Melayu dalam kalangan murid tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (1), 44-55.
- Che Zanariah Che Hassan & Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 67-87.
- Chew Fong Peng & Siti Syahirah Yusof. (2021). Kesediaan pelajar terhadap peta pemikiran *i-Think* dalam pembelajaran KOMSAS dalam Bahasa Melayu di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11 (2), 15-25.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Edisi Ketiga. Selangor: McGraw-Hill Education (M) Sdn. Bhd.
- Fadillah anak Layang & Zamri Mahamod. (2019). Tahap pengetahuan, kesediaan dan sikap guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran peta pemikiran *i-Think*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Malaysia*, 44 (1), 37-44.
- Hyerle, D. (2011). *Student Successes with Thinking Maps*. 2nd Edition. Thousand Oaks: Corwin Press.
- Jumaliah Mingan & Zamri Mahamod. (2016). Pengetahuan pelajar sekolah menengah tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2), 23-32.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). *Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Program i-Think Membudayakan Kemahiran Berfikir*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Laura A.W. (2011). *The Effect of Thinking Maps on Students' Higher Order Thinking Skills*. California: California State University.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhamad Sidek & Ahamad Rahim. (2012). Inovasi pengajaran dan pembelajaran melalui Program *i-think*. *IPGM International Convention in Teacher Learning and Development*. Pearl International Hotel, Kuala Lumpur, 19-21 November 2012.
- Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2), 59-67.
- Nik Nur Fariah Nik Harmi. (2014). Keberkesanan kaedah peta pemikiran *i-think* terhadap pencapaian, sikap dan kesediaan murid tingkatan empat. Tesis Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Noor Hidayu Mohd Rahim & Yahya Othman. (2016). Keberkesanan peta bulatan dan peta alir dalam meningkatkan penguasaan menulis karangan naratif murid-murid Cina. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (2), 68-77.
- Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan peta pemikiran *i-Think* dalam meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5 (2), 31-37.
- Saemah Rahman & Zamri Mahamod. (Pnyt.). (2016). *Kreativiti dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahlan Surat & Zamri Mahamod. (Pnyt.). 2022. *Inovasi Pedagogi dan Kreativiti Guru*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Nor Puteh. (2012). Keprihatinan guru bahasa Melayu dalam melaksanakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(11): 19-31.
- Stockhof, H., Vries, B., Bastiaens, T. & Marten, R. (2018). Using mind maps to make student questioning effective: Learning outcomes of a principle-based scenario for teacher guidance. *Research in Science Education*, 50, 203-225.
- Zamri Mahamod, Anita Abdul Rahman, Abdul Rasid Jamian & Shamsuddin Othman. (Pnyt.). (2020). *Peta Pemikiran: Kreativiti Guru Merangsang Pemikiran Murid*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2011). Memperkasa guru, mempercepat murid: pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu dalam abad ke-21. *Prosiding Seminar Bahasa Melayu 2011*, hlm. 1-30. Singapura: Pusat Bahasa Melayu.
- Zamri Mahamod. (2019). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu. Cetakan Keempat*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.